Kesimpulannya, hasil daripada perbincangan mendapati aspek etika reka bentuk merupakan aspek yang penting dalam reka bentuk bagi perilaku pelajar, amalan pengajaran serta juga cabaran profesional industri kreatif. Malahan, membantu dalam mengukuhkan nilai - nilai jati diri iaitu dengan memiliki perilaku bertanggungjawab, kesedaran serta mementingkan daripada segi keseimbangan, kelestarian manusia dan juga persekitaran manusia dalam menjaga malah memelihara keamanan negara dan dunia. Justeru itu, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia amatlah perlu dan penting. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bagi menangani permasalahan hasil daripada reka bentuk yang mengandungi unsur negatif di kalangan pelajar. Contohnya, perilaku yang tidak bertanggungjawab, tiada penekanan aspek -aspek etika dan menjelaskan keharmonian malah kelestarian masyarakat dan manusia sejagat. Konklusinya, kajian ini amatlah penting bagi melahirkan para pelajar yang akan lahir daripada institusi pengajian tinggi di Malaysia yang beretika dari sudut perilaku, amalan pengajaran mereka dalam penghasilan reka bentuk dan cabaran yang berkaitan etika yang dihadapi oleh profesional industri kreatif.





Oleh itu, aspek etika dan juga tanggungjawab sosial merupakan suatu perkara yang amat penting yang bakal mempengaruhi tingkah laku beretika atau tidak beretika seseorang itu, seterusnya merujuk kepada sifat bertanggungjawab seseorang itu, yang menjerumuskan kepada bertanggungjawab atau tidak bertanggungjawab seseorang itu, Yin (2016). Balakrishnan (2019) menyatakan bahawa, sesuatu etika reka bentuk itu amatlah penting terhadap keseimbangan dan juga daripada segi kelestarian persekitaran manusia malah ia juga penting terhadap keamanan dunia. Kajian menunjukkan, jurusan atau pengkhususan yang merangkumi atau berkaitan dengan industri kreatif memupuk bakat dari segi pengurusan budaya kreatif, reka bentuk kreatif dan memupuk bakat terhadap sains dan teknologi, Tang (2019).



## 1.2 Penyataan Masalah

Pada tahun 1973, pensyarah dari Universiti Pennsylvania, Thomas J. Watson Jr. menyatakan bahawa iaitu “*good design is good business.*” McCollam (2014) (Hoving 1975:79). Walaupun sejarah menyatakan mengenai “*good design*” sudah lebih lama daripada istilah “*graphic designer*” (McCollam, 2014) (Heller, 1992:108) tetapi persoalannya? adakah etika di dalam reka bentuk itu yang merangkumi sesuatu reka bentuk yang bagus boleh menjamin dari sudut kelestarian masyarakat dan juga keamanan serta kesejahteraan masyarakat pada masa kini yang sering membangkitkan permasalahan daripada segi isu budaya, agama, perkauman dan juga negara?

Dalam pada itu, menurut West (2019) ia masih kritikal dalam memahami cara untuk membina sesuatu reka bentuk yang kreatif. Dengan kata lain, sesuatu reka bentuk itu dianggap kreatif apabila ia mengandungi daripada segi keaslian reka bentuk tersebut serta pembinaan reka bentuk yang sesuai dihasilkan. Sementara itu, isu lain adalah merujuk kepada isu perlindungan hak cipta sangat lemah terhadap industri kreatif, Fan (2021). Sebagai contoh, Fan juga menyatakan kekurangan daripada segi kesedaran terhadap perlindungan hak reka cipta akan berlakunya perbuatan plagiat atau peniruan terhadap hasil kerja seseorang. Jelaslah bahawa, permasalahan yang dinyatakan akan mengundang kelakuan tidak beretika di kalangan penggiat industri kreatif. Secara totalnya, permasalahan ini dapat diatasi dengan adanya pendidikan etika reka bentuk bagi memberi penekanan terhadap kepentingan aspek etika reka di kalangan perilaku pelajar, amalan pengajaran dan juga terhadap cabaran profesional industri kreatif.



Sementara itu, peningkatan isu plagiat di dalam reka bentuk visual merupakan isu meningkat naik pada masa kini dan telah diwar - warkan di dalam sosial media, dijelaskan oleh Noh (2016). Pada waktu yang sama, Razali (2021) menyatakan terdapatnya isu peniruan dan plagiat terhadap corak rekaan bentuk batik asli Malaysia yang ditiru oleh negara luar, malah menjual dengan harga yang murah. Malah isu plagiat ini juga amat ketara di dalam industri kreatif di Malaysia. Sebagaimana yang sedia maklum, Ibrahim (2020) mendapati cabaran dihadapi oleh profesional industri kreatif di Malaysia ialah kegagalan daripada segi untuk berfungsi dengan menggunakan kemahiran berfikiran kritis bagi menghasilkan idea kreatif dan asli. Jelaslah, permasalahan ini merupakan permasalahan terhadap aspek etika reka bentuk. Justeru, pendidikan etika reka bentuk merupakan pendidikan yang memberi kesedaran serta pencegahan terhadap masalah ini. Intihanya, pendidikan etika reka bentuk dapat menangani permasalahan isu – isu plagiat serta membantu dari segi perlindungan keaslian reka bentuk tersebut.





Kelson Sandlin (2016) menyatakan, terdapat beberapa kategori yang menunjukkan mengenai kepelbagaian tahap kesedaran etika kepada seseorang itu, antaranya adalah daripada segi tindakan seseorang itu. Maka, tahap kesedaran etika seseorang itu menjerumuskan kepada tindakan yang dilakukan oleh seseorang itu. Dengan kata lain, tindakan seseorang akan menimbulkan kesedaran etika pada diri mereka yang akan membantu mereka untuk menjadi lebih beretika ke atas sesuatu perkara yang akan dilakukan serta hasil yang akan diterima oleh masyarakat daripada segi aspek etika yang diterapkan dalam reka bentuk oleh seseorang itu. Selain itu, dinyatakan oleh Li (2017) kurangnya asas mengenai etika reka bentuk dalam pelbagai kerja reka bentuk disebabkan satu fakta, iaitu pereka tidak mempunyai pemikiran yang sistematik akibat kesan reka bentuk yang dihasilkan, semasa penghasilan proses reka bentuk yang dihasilkan. Justifikasinya, kesedaran etika adalah merujuk kepada tindakan seseorang itu seperti dinyatakan oleh Kelson Sandlin dan juga dinyatakan oleh Li bahawa, tiada pemikiran yang sistematik mengenai etika reka bentuk terhadap kesan reka bentuk yang dihasilkan. Konklusinya, menerusi pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia merupakan pendidikan penting bagi program industri kreatif di institusi pengajian tinggi untuk memupuk kesedaran dan mewujudkan pemikiran sistematik terhadap sesuatu akibat aspek – aspek etika yang bakal berlaku dan mungkin berlaku di kalangan pelajar program industri kreatif.





Walau bagaimanapun, adakah permasalahan daripada segi aspek etika yang dihadapi ini dapat diatasi dan dibendung permasalahannya? Sebagai contoh, McCollam (2014) menyatakan, aspek etika perlu diperkuuhkan dan di perhebatkan melalui usaha iaitu daripada segi dua bidang, bidang pendidikan dan bidang pengawasan. Oleh itu, beliau juga berpendapat bahawa pereka yang mempunyai etika seharusnya peka terhadap undang – undang dan juga piawaian. Dengan kata lain, kajian mendapati, Horng (2019) menyatakan kandungan pendidikan etika haruslah mengandungi daripada segi aspek pengetahuan moral, pemahaman etika, pemikiran kritis, penilaian masalah etika, pemahaman organisasi serta kemampuan untuk mengenali pengurusan etika dalam organisasi. Sehubungan dengan itu, permasalahan mengenai aspek etika dalam reka bentuk dapat ditangani dan dibendung melalui aspek pendidikan berteraskan kandungan pendidikan etika reka bentuk serta pengawasan terhadap etika reka bentuk.



Tetapi adakah aspek pendidikan etika reka bentuk ini telah diterapkan oleh institusi pengajian tinggi? Secara keseluruhan, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif adalah merupakan pendidikan yang akan menerapkan kepada pelajar mengenai pengetahuan mengenai etika reka bentuk. Maka, jelaslah kepentingan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia terhadap perilaku pelajar, amalan pengajaran dan cabaran terhadap profesional industri kreatif.





Sebagai contoh, kurikulum yang terdapat di Delft Universiti of Technology, Netherland mewajibkan subjek etika kejuruteraan sebagai subjek wajib di institusi pengajian tinggi mereka Van Gorp & Poel (2001). Oleh hal yang demikian, perkara ini dikenal pasti di universiti negara luar, iaitu Delft University of Technology, di Netherlands. Delft University of Technology, merupakan universiti yang mengkaji berkenaan etika terhadap pelajar-pelajar kejuruteraan mereka. Natijahnya, universiti ini bakal melahirkan pelajar – pelajar yang beretika di dalam pembinaan atau penghasilan sesuatu reka bentuk, sekali gus dapat mengekalkan kesejahteraan dan kelestarian masyarakat serta negara. Secara lebih jelas, didapati aspek pendidikan etika reka bentuk amatlah penting dalam menangani permasalahan yang berkaitan isu aspek etika yang dihadapi pada masa kini. Maka, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi merupakan pendidikan penting bagi pelajar – pelajar program industri kreatif dalam memelihara kesejahteraan manusia sejagat dari segi agama, budaya dan masyarakat di Malaysia yang menjerumuskan kepada etika reka bentuk.





Konklusinya, kajian ini merupakan kajian yang perlu dijalankan bagi menilai perilaku aspek – aspek etika di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi, serta amalan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi dan juga cabaran profesional industri kreatif. Kesimpulannya, kajian ini bertujuan mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia. Melalui cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk program industri kreatif ini bakal melahirkan pelajar – pelajar yang mempunyai aspek – aspek etika dan bakal mengekalkan kelestarian dan kesejahteraan manusia sejagat dan alam sekitar menerusi reka bentuk mereka. Dari sudut lain, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif yang diterapkan kepada pelajar program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia bakal membina jati diri pelajar, pengetahuan, pemahaman dan profesionalisme pada diri mereka merujuk kepada pendidikan etika reka bentuk yang dipelajari. Tambahan pula, nilai-nilai murni ini penting bagi pelajar program industri kreatif pada masa kini. Oleh itu, melalui pendidikan yang berteraskan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif, ia juga dapat memupuk kesedaran dalam golongan pelajar daripada peringkat awal lagi, menerusi peringkat institusi pengajian tinggi.



### 1.3 Tujuan Kajian

Dalam meniti arus kemodenan ini, kajian ini merupakan kajian penting dalam bidang akademik yang merujuk kepada program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting bagi menilai aspek – aspek etika di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi, tenaga pengajar institusi pengajian tinggi dan juga profesional industri kreatif. Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian penting bagi program industri kreatif kerana ia merupakan kajian bagi mengemukakan cadangan mengenai garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, menurut pandangan Nier (2012), untuk memahami sesuatu atau tempat etika itu, kita perlu melihat di luar perspektif satu disiplin, kerana masing-masing mempunyai kepercayaan dan perspektif sendiri”

Dengan itu, bagi memahami sesuatu etika, ia perlu dilihat daripada segi perspektif luar. Misalnya, daripada segi kepercayaan dan perspektif masing-masing. Dengan kata lain, aspek etika reka bentuk industri kreatif akan dinilai di kalangan para pelajar, pensyarah dan profesional industri kreatif pada kajian ini. Oleh itu, melalui kajian ini juga, pengkaji akan mengemukakan cadangan mengenai garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Sementara itu, garis panduan ini juga membantu dalam memberi sumbangan terhadap sektor akademik, melalui sistem pendidikan iaitu pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Seterusnya, membantu para pelajar dan pensyarah program industri kreatif serta profesional industri kreatif yang merupakan individu terlibat di dalam bidang



industri kreatif, agar mengetahui dan memahami mengenai kepentingan etika reka bentuk dalam program industri kreatif serta bidang industri kreatif.

Konklusinya, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi merupakan pendidikan yang akan mendidik pelajar mengenai aspek etika reka bentuk dalam program industri kreatif. Sehubungan dengan itu, pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif ini juga membantu pelajar dalam mempraktikkan amalan aspek etika agar dapat berfikir secara sistematik dalam menangani permasalahan etika pada masa kini. Jelaslah, kepentingan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif merupakan pendidikan yang perlu dan penting pada masa kini kepada pelajar program industri kreatif. Akhir kata, melalui pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif ini yang akan melahirkan perilaku pelajar yang berhemah dan bertanggungjawab di kalangan mereka.





## 1.4 Objektif Kajian

- i) Untuk menilai perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi yang terpilih dalam program industri kreatif.
- ii) Untuk menilai amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik institusi pengajian tinggi yang terpilih dalam program industri kreatif untuk memupuk nilai-nilai etika kepada pelajar-pelajar program industri kreatif
- iii) Untuk menilai cabaran yang berkaitan dengan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif dalam bidang industri kreatif.
- iv) Mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia.





## 1.5 Persoalan Kajian

- i) Apakah perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk mengenai etika dalam kalangan pelajar program industri kreatif di institusi pengajian tinggi? **(objektif 1)**
- ii) Apakah amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik di institusi pengajian tinggi mengenai etika reka bentuk dalam kalangan pelajar program industri kreatif di institusi pengajian tinggi? **(objektif 2)**
- iii) Apakah cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif dalam bidang industri kreatif? **(objektif 3)**
- iv) Apakah elemen-elemen yang berkaitan dalam etika reka bentuk bagi mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif? **(objektif.4)**





## 1.6 Kepentingan Kajian

Beberapa aspek kepentingan kajian dapat dibincangkan oleh pengkaji. Kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang penting kepada :

### 1.6.1 Kementerian Pendidikan Tinggi

Berdasarkan kajian ini, kepentingan terhadap Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia dapat dilihat dengan bakal melahirkan graduan-graduan dari institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang profesional dan beretika dalam bidang industri kreatif iaitu program industri kreatif melalui pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia yang diterapkan kepada para pelajar. Hasilnya, dapat dilihat menerusi pengajaran yang diberikan oleh tenaga pengajar iaitu pensyarah kepada para pelajar menerusi pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif. Maka, graduan yang terlahir hasil daripada didikan yang berteraskan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif bakal mencorakkan industri kreatif yang akan memiliki nilai etika dalam menjaga keharmonian negara. Secara tidak langsung meningkatkan daya saing yang lebih sihat. Malahan, profesional dalam penghasilan reka bentuk dan menjaga kelestarian di peringkat negara hingga ke peringkat antarabangsa yang melibatkan industri - industri kreatif luar negara mahupun institusi luar negara.





### 1.6.2 Pelajar

Pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif memberi kepentingan daripada segi akademik kepada para pelajar. Antara kepentingannya ialah, menambah ilmu pengetahuan kepada para pelajar mengenai aspek-aspek etika reka bentuk dalam program industri kreatif serta elemen-elemen yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh para pelajar dalam reka bentuk industri kreatif. Ia, membantu menjadikan pelajar seseorang individu yang mempunyai perilaku bertanggungjawab dan serta mematuhi setiap aspek etika-etika di dalam reka bentuk. Selain itu, ia juga dapat membantu pelajar untuk menjadi seseorang yang beretika dan seorang yang profesional terhadap etika reka bentuk dalam penghasilan reka bentuk pada masa akan datang setelah tamat pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Justeru, kepentingan kajian ini juga, bakal melahirkan pelajar yang merupakan profesional di dalam bidang industri kreatif yang akan mencorakkan landskap industri kreatif pada masa hadapan. Maka, dengan adanya pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif di institusi pengajian tinggi akan memupuk nilai – nilai etika di dalam membina jati diri pelajar yang berinovasi bertanggungjawab terhadap manusia serta persekitaran.





### 1.6.3 Pensyarah

Bagi pensyarah pula, kepentingan terhadap kajian ini dapat dilihat bagi melancarkan serta memudahkan proses kuliah para pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kepada para pelajar. Hal ini, dikatakan demikian kerana dengan mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif, ia akan membantu daripada segi pendidikan etika kepada pelajar program industri kreatif daripada segi kepekaan terhadap aspek etika. Oleh hal yang demikian, membantu pensyarah mempraktikkan amalan aspek – aspek etika di dalam kelas semasa bersama pelajar di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berlandaskan aspek-aspek etika, kesan positif mahupun negatif, serta elemen pendidikan etika reka bentuk yang betul dan mengikut peraturan dalam konteks menjaga kelestarian manusia sejagat dan kelestarian alam sekitar. Melalui amalan mempraktikkan aspek- aspek etika di kalangan para pensyarah kepada pelajar akan membantu meningkatkan kefahaman para pelajar secara lebih mendalam mengenai aspek – aspek etika. Justeru, kepentingan pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif merupakan suatu pendidikan yang penting dan memberi kepentingan kajian terhadap para pensyarah program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di Malaysia.



#### 1.6.4 Industri Kreatif

Seterusnya, bagi pihak industri pula, kepentingan kajian ini kepada industri ialah merupakan daripada aspek menangani cabaran yang menjerumuskan kepada aspek – aspek etika reka bentuk. Jelaslah bahawa, melalui pendidikan etika reka bentuk dalam program industri kreatif ia secara tidak langsung akan membantu profesional industri kreatif di dalam bidang industri kreatif menangani cabaran yang berkaitan aspek – aspek etika yang mereka hadapi berpandukan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif pada kajian ini. Sehubungan dengan itu, dengan adanya cadangan mengemukakan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif akan membantu mereka dalam penghasilan reka bentuk yang lebih efektif pada masa hadapan di kalangan mereka. Sekali gus, dalam menjaga kelestarian serta kesejahteraan masyarakat di Malaysia mahupun dunia. Konklusinya, pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif merupakan pendidikan penting di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Justeru itu, memberi kepentingan kepada profesional industri kreatif. Malahan, ia juga memberi kepentingan kepada bidang industri kreatif bagi membantu mereka tentang kepentingan aspek – aspek etika dalam kalangan mereka bagi menjaga keharmonian dan kelestarian melalui pembinaan reka bentuk mereka.



## 1.7 Kerangka Teoritikal Kajian

Teori dan model memandu pengkaji dalam menstrukturkan kajian dengan lebih sistematik mengikut kaedah dan strategi yang sesuai dan tepat. Teori yang mendasari kajian ini adalah:

Teori etika Larry Chonko (2012)

### 1.7.1 Teori Etika

Dalam kajian ini, teori yang digunakan pada kajian ini merupakan teori etika. Dengan kata lain, teori ini dipersetujui sebagai kerangka teori tikal kajian, kerana ia bertujuan untuk memberi panduan dan memberi penekanan daripada segi komponen aspek – aspek etika pada teori kajian ini. Seterusnya, membawa kepada penyelesaian etika yang sesuai mengikut garis panduan teori yang ditetapkan dalam komponen teori etika tersebut. Di samping itu, menurut Chonko (2012) untuk memahami sesuatu keputusan yang beretika pada seseorang itu, ia penting bagi pelajar untuk menyedari bahawa tidak semua orang membuat keputusan dengan cara yang sama, menggunakan maklumat yang sama serta menggunakan peraturan yang sama.





Sehubungan dengan itu, komponen – komponen yang terdapat dalam teori etika mempunyai beberapa komponen dan aspek - aspek etika yang termaktub di dalam teori etika. Dalam kajian ini, teori etika memiliki empat komponen teori. Sebagai contoh, merujuk kepada, *deontology*, *utilitarianism*, *virtue* dan *rights* (hak kemanusiaan). Manakala, dua komponen teori etika dijadikan sebagai rujukan kepada kajian ini, Dengan kata lain dua teori etika tersebut ialah teori “*Deontology*” dan “*Utilitarianism*”.

Dinyatakan oleh Chonko, “*Deontology*” merupakan teori yang terdapat di bawah teori etika, yang bermaksud, seseorang mestilah mematuhi sesuatu dan patuh pada arahan yang diberikan seperti undang-undang mahupun etika terhadap sesuatu perkara. Tamsilnya, seseorang atau masyarakat akan mematuhi dan patuh pada sesuatu arahan tersebut kerana memegang jawatan ataupun masyarakat yang mempertimbangkan sesuatu perkara beretika dengan betul.



Seterusnya, bagi “*utilitarianism*” pula merujuk kepada tindakan dan peraturan seperti dinyatakan oleh Chonko. Justeru, tindakan dimaksudkan itu adalah seperti tindakan yang dilakukan memberi kebaikan dan kebahagiaan kepada masyarakat sekeliling dan juga diri sendiri. Oleh hal sedemikian, daripada segi peraturan pula mengambil berat mengenai undang-undang dan pengadilan secara adil.






Di samping itu, Chonko juga menyatakan “*virtue*” adalah merujuk kepada penilaian terhadap seseorang berdasarkan karakter dan perwatakannya, malah bukannya dengan tindakan yang menyimpang daripada segi tingkah laku normalnya. Dengan kata lain, ia mengambil kira terhadap moral, reputasi dan motivasi. Sebagai contoh, seseorang akan menilai tingkah laku yang tidak normal atau tidak beretika. Misalnya, seseorang itu didapati memplagiat atau meniru petikan dan tingkah laku itu tersebut disedari oleh rakannya. Maka, rakan yang mengenali orang itu dengan perwatakan yang baik akan memahami watak orang itu dan akan menilai rakannya itu sewajarnya.

Selain itu, dinyatakan oleh Chonko, “*rights*” merujuk kepada hak yang dibentuk oleh masyarakat dan memberi keutamaan tertinggi. Manakala, “*rights*” juga mempertimbangkan untuk menjadi sesuatu yang beretika dan sah sehingga populasi atau masyarakat menyokongnya. Maka, individu juga dikurniakan “*rights*” ke atas seseorang itu jika mereka mempunyai kemampuan dan sumber untuk melakukannya.




Konklusinya, teori kajian ini adalah sebagai panduan kepada pengkaji di dalam mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Dengan kata lain, ia menjadi panduan kepada pengkaji terhadap elemen – elemen yang akan dihasilkan oleh pelajar, tenaga pengajar dan profesional industri kreatif. Sebagai contoh, menerusi perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk, amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik di institusi pengajian tinggi serta cabaran berkaitan etika yang dihadapi oleh profesional industri kreatif. Oleh itu, teori kajian ini menjadi panduan dan membantu pengkaji di dalam mengenal pasti elemen – elemen yang sesuai terhadap persoalan – persoalan kajian pada ketiga – tiga golongan responden tersebut dalam mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi.



Rajah 1.1. Teori Etika.

## 1.8 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual

Dalam pada itu, kerangka konseptual merupakan struktur kajian, bagi membolehkan penyelidik menerangkan dengan lebih jelas mengenai perjalanan kajian yang akan dijalankan, dijelaskan oleh Camp (2001). Selain itu, kerangka konseptual ini juga merupakan susunan kepada struktur logik dalam menyediakan gambar ataupun paparan visual untuk memberitakan bagaimana idea dalam kajian dihubungkan di antara satu sama lain, dinyatakan oleh Osanloo dan Grant (2014). Di samping itu, dinyatakan juga oleh (Osanloo dan Grant, 2014) ia membantu penyelidik dalam mengenal pasti dan menghayati pandangan terhadap kajian serta fenomena yang dikaji.



Berdasarkan kepada kerangka konseptual yang telah dibina, dapat disimpulkan bahawa pelajar, pendidik serta profesional industri kreatif merupakan individu yang akan membantu dalam proses pengumpulan data kajian pada kajian ini. Sementara itu, melalui ketiga – tiga golongan ini, ia memberi kesan kepada proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Misalnya, merujuk kepada rajah 1.2 perilaku pelajar mengenai aspek etika di kalangan mereka iaitu pelajar program industri kreatif akan mendorong kepada pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, teori kajian iaitu teori etika juga menjadi panduan kepada pengkaji terhadap perilaku pelajar, amalan pengajaran dan cabaran berkaitan etika dihadapi oleh profesional industri kreatif.



pelajar program industri kreatif yang akan membantu dalam proses pembinaan garis panduan pendidikan etika. Jelaslah bahawa, ia akan mengukuhkan garis panduan melalui elemen – elemen daripada perilaku pelajar dan berpandukan teori kajian bagi membina garis panduan pendidikan etika untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi.





Selain itu, pendidik juga merupakan golongan yang akan membantu dalam proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif di institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, merujuk kepada rajah 1.2 seperti yang dinyatakan, melalui amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik menerusi aspek etika bagi program industri kreatif akan membantu serta mengukuhkan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif yang akan dibina. Sehubungan dengan itu, melalui amalan pengajaran mengenai aspek etika program industri kreatif di kalangan pendidik akan membantu mengukuhkan garis panduan melalui komponen elemen – elemen yang akan digunakan dalam pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif.

Seterusnya, golongan terakhir ialah golongan profesional industri kreatif di dalam bidang industri kreatif. Golongan profesional industri kreatif ini merupakan profesional dalam bidang industri kreatif. Dengan itu, golongan ini bakal mempengaruhi proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Merujuk kepada rajah 1.2 iaitu melalui cabaran industri mengenai aspek etika industri kreatif di kalangan mereka akan memperkuatkan komponen dan elemen dalam proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Oleh hal yang demikian, melalui golongan profesional industri kreatif ini amat jelas membantu dalam proses pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Konklusinya, melalui cabaran yang dihadapi pengkaji akan mengetahui komponen dan elemen yang sesuai digunakan dalam pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif.





Dalam pada itu, merujuk kepada jadual 1.2 teori kajian dan kajian literatur juga digunakan dalam memastikan pengukuhan pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Dengan kata lain, menjadi panduan kepada pengkaji di dalam mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Sebagai contoh, komponen teori etika iaitu *deontology*, *utilitarianism*, *virtue* dan *rights* (hak kemanusiaan) menjadi panduan dalam pembinaan garis panduan. Maka, elemen yang bersesuaian dan tepat dijadikan rujukan dalam mengukuhkan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif. Jelaslah bahawa, elemen yang tepat dan bersesuaian haruslah dirujuk terlebih dahulu bagi memberi kefahaman yang jelas kepada pengkaji, dalam membina garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk industri kreatif yang akan dibina.



Secara totalnya, seperti dinyatakan oleh Camp, kerangka konseptual adalah merupakan struktur kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Oleh hal demikian, pengkaji akan memberitakan idea dalam kajian pengkaji yang menghubungkan antara satu sama lain pada kajian pengkaji ini. Justeru itu, melalui kerangka konseptual ini juga akan membantu pengkaji mengetahui proses dan mengenal pasti dengan lebih terperinci mengenai kajian yang pengkaji jalankan pada kajian ini dengan lebih jelas dan lebih terperinci.





Dengan itu, rajah 1.2 menunjukkan bagaimana proses kajian ini berfungsi dan juga kepentingan ketiga – tiga golongan iaitu pelajar, pendidik dan profesional industri kreatif dalam membantu pembinaan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Selain itu, pada rajah 1.2 juga dinyatakan mengenai teori kajian dan kajian literatur adalah merupakan salah satu komponen dalam membantu penghasilan garis panduan pendidikan etika reka bentuk untuk program industri kreatif. Maka, jelaslah kerangka konseptual adalah merupakan sebagai panduan perjalanan kajian yang dijalankan pada kajian ini. Justeru itu, ia juga bagi mengukuhkan proses mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif di institusi pengajian tinggi yang telah divisualkan menerusi kerangka konseptual malahan, ia juga diperincikan seperti yang tertera rajah 1.2.





## 1.9 Definisi Operasional

### a) Etika

Etika merujuk kepada lebih mementingkan prinsip, penilaian umum dan norma daripada penilaian dan nilai subjektif atau peribadi, dinyatakan oleh Bartneck (2020). Selain itu, etika berasal dari etos Yunani yang bermaksud watak dan akhlak berasal daripada moralis, Latin yang bermaksud adat atau adab, dijelaskan oleh (Thiroux (2001). Malahan, juga dinyatakan oleh Thiroux kebiasaannya apabila mengenai etika ia merujuk kepada sikap seseorang baik atau buruk serta beretika atau tidak beretika.



### b) Industri Kreatif

Molina (2012) mendapati, definisi industri kreatif ialah sebagai industri yang berdasarkan kreativiti, kemahiran dan bakat individu tersebut. Di samping itu, industri kreatif juga bermaksud daripada segi penghasilan merujuk kepada penghasilan sesuatu yang kreatif dan juga pengeluaran harta intelek, menurut Potts (2008). Dinyatakan oleh Potts, kreatif industri didefinisikan juga dari segi klasifikasi industri apa yang mereka lakukan, apa yang mereka hasilkan serta bagaimana mereka hasilkan.





### c) Pembangunan

Pembangunan bermaksud, dinyatakan oleh Pradeu (2016) iaitu Secara etimologi, "pembangunan" bermaksud "terungkap", iaitu, progresif pembukaan bentuk yang sudah ada sebelumnya atau kemampuan yang sudah ada sebelumnya. Ia juga dinyatakan oleh Abuiyada (2018), iaitu ialah pertarungan membina masyarakat aktif dan lestari berdasarkan keadilan sosial dan saling menghormati.

### d) Persepsi



Persepsi merupakan berkait rapat mengenai sikap perilaku, dijelaskan oleh Pickens (2005). Lindsay dan Norman (1977) juga mengatakan mengenai persepsi merupakan proses di mana organisma mentafsirkan dan mengatur sensasi untuk menghasilkan pengalaman dunia yang bermakna. Dengan kata lain, dinyatakan juga oleh Lindsay dan Norman seseorang berhadapan dengan situasi ataupun rangsangan membangkitkan kesedaran seseorang serta penerimaan seseorang dalam memainkan peranan penting dalam proses persepsi.





e) Kelestarian

Dinyatakan oleh, Costanza (1995) kelestarian adalah bermaksud ingin mengelakkan gangguan dan keruntuhan besar, perlindungan terhadap ketidakstabilan dan ketidakselesaan. Oleh itu, Jamieson (1998) mengatakan kelestarian mengenai kelangsungan hidup manusia dan mengelakkan terhadap bencana ekologi.

f) Kurikulum

Kurikulum dinyatakan oleh Kelly (1983) dalam kenyataannya kurikulum adalah “semua pembelajaran yang dirancang dan dipandu oleh sekolah, sama ada

dijalankan secara berkumpulan atau secara individu, dalam atau luar sekolah”.

Selain itu, kurikulum juga adalah merujuk kepada hal-hal yang dipelajarinya serta kandungannya, Egan (1978)



## 1.10 Batasan Kajian

Berikut ialah batasan yang terdapat dalam kajian ini:

1. Kajian ini menilai perilaku pelajar terhadap etika reka bentuk dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia, menilai amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik institusi pengajian tinggi yang terpilih dalam program industri kreatif untuk memupuk nilai – nilai etika kepada pelajar program industri kreatif dan menilai cabaran yang berkaitan etika reka bentuk yang dihadapi oleh profesional industri kreatif. Di samping itu, mengemukakan cadangan garis panduan pendidikan etika reka bentuk bagi program industri kreatif di institusi pengajian tinggi di

2. Kajian ini mengenai tinjauan terhadap pendidikan etika reka bentuk di kalangan pelajar, tenaga pengajar dan profesional industri kreatif.
3. Selain itu, batasan kajian ini juga merujuk kepada institusi pengajian tinggi yang terpilih yang merangkumi subjek – subjek program industri kreatif iaitu reka bentuk digital, pengiklanan, animasi 3D dan 2D, multimedia, vfx, profileman, *interface design*, *virtual reality (VR)*, *augmented reality (AR)*
4. Kaedah kajian kuantitatif ini hanya terbatas dalam menilai perilaku pelajar, amalan pengajaran yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar serta cabaran yang berkaitan profesional industri kreatif yang dihadapi



## 1.11 Rumusan

Bab satu merupakan latar belakang dan pendahuluan kepada penyelidikan dan membincangkan tentang konsep-konsep asas penyelidikan. Dalam bab ini terdapatnya pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian dan batasan kajian. Bab ini menghuraikan dengan lebih jelas mengenai kajian ini pada bahagian pengenalan kajian. Di samping itu, pada bahagian latar belakang kajian, serta permasalahan yang terdapat dalam kajian ini dapat mengukuhkan lagi kajian ini. Justeru itu, kerangka konseptual juga dihuraikan dalam bab ini bagi meneguhkan lagi penyelidikan yang dijalankan. Bab seterusnya, menerangkan tinjauan literatur. Dalam tinjauan literatur pula menerangkan berkaitan teori dan model yang diguna pakai dalam penyelidikan ini.

